



Received: 2025-04-27

Accepted: 2025-06-27

Published: 2025-06-30

Original Article

## Pendekatan *Mujāhadah* terhadap Pengurusan Keluarga Miskin Luar Bandar: Satu Sorotan Awal

(*Mujāhadah Approach to the Management of Rural Poor Families: A Preliminary Highlights*)

Nur Izyanti Afiqah En Abdul Rahim<sup>a</sup>, Nur Shahidah Pa'ad<sup>a\*</sup> & Che Zarrina Sa'ari<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.

<sup>b</sup>Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.

\*Corresponding author, email: shaaz2301@um.edu.my

### ABSTRACT

Poverty is a global challenge that affects various aspects of life including family management. Rural poor families often face complex management issues such as limited economic resources, restricted access to quality education, inadequate housing, and heightened social pressures that further exacerbate existing stress and conflict, thereby disrupting family functioning and overall well-being. Previous studies have indicated that a spiritual approach that fosters inner strength is needed to help these families overcome such challenges, improve their quality of life, and achieve holistic well-being. Therefore, this study aims to explore the role of *mujāhadah* in addressing family management issues among rural poor families. A qualitative research design was employed, involving in-depth and comprehensive analysis of journal articles, books, written documents, and other academic sources to identify key issues faced by rural poor families and examine how the *mujāhadah* approach can offer concrete solutions. The findings reveal that *mujāhadah* not only strengthens spiritual resilience but also encourages physical actions such as striving for lawful sustenance, cultivating self-discipline, and fostering positive social environments. This approach has been proven to build biopsychosocial resilience and instill consistent self-awareness, thereby enabling poor families to break the cycle of poverty. The paper proposes that the *mujāhadah* approach be systematically integrated into rural family development programs, particularly to strengthen inner resilience, enhance biopsychosocial endurance, and empower the self-motivation of poor families to sustainably escape poverty.

**Keywords:** Rural Poverty, *Mujāhadah*, Family Management, Holistic Approach, *Tazkiyah al-Nafs*

## Pengenalan

Usaha pembasmian kemiskinan telah dilakukan dari dahulu sehingga kini. Kerajaan Malaysia telah melancarkan Dasar Ekonomi Baharu untuk mengurangkan jurang ekonomi antara kaum. Pelaksanaan dasar ini telah membuka peluang ekonomi dengan lebih luas melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan dan perumahan kepada penduduk miskin tanpa mengira kaum<sup>1</sup>. Kini, Dasar Ekonomi MADANI merupakan usaha terbaru kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berteraskan nilai-nilai kemanusiaan, kebijakan dan kemakmuran bersama serta mengukuhkan kesejahteraan sosial, ekonomi dan budaya.<sup>2</sup> Dasar ini ditonjolkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), terdapat lapan matlamat pelbagai dimensi yang ingin dicapai dalam RMK-12 antaranya adalah meningkatkan indeks kesejahteraan rakyat Malaysia.<sup>3</sup>

Pada tahun 2022, Paras Garis Kemiskinan (PGK) di Malaysia sudah dipinda daripada RM 2,208 iaitu pada tahun 2019 kepada RM 2,589.<sup>4</sup> Peningkatan PGK menunjukkan penilaian semula kos sara hidup yang lebih realistik serta mencerminkan usaha kerajaan dalam menangani kemiskinan. Walaupun begitu, berdasarkan laporan prestasi program utama ICU JPM 2024, jumlah miskin di Malaysia masih dalam keadaan membimbangkan dengan jumlah yang tinggi terutamanya di Kelantan, Sabah dan Sarawak<sup>5</sup>. Gaji minimum penjawat awam yang hanya RM 2000 sebulan turut berada di bawah PGK menunjukkan bahawa pendapatan semasa tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.<sup>6</sup>

Situasi ini menyebabkan kemiskinan luar bandar terus berlanjutan dan menjelaskan bahawa usaha membebaskan masyarakat daripada kitaran ini masih belum membawa hasil yang menyeluruh. Meskipun pelbagai dasar berorientasikan ekonomi dan fizikal telah dilaksanakan, namun hakikat kemiskinan yang bersifat multidimensi tidak dapat diselesaikan melalui pendekatan bersifat materialistik semata-mata. Realiti ini mendedahkan bahawa dimensi spiritual dan psikososial kurang ditekankan dalam perancangan pembangunan. Keluarga miskin luar bandar bukan sahaja berhadapan dengan kekurangan sumber kewangan dan kemudahan asas malah turut mengalami krisis motivasi, keputus asaan dan lemah kekuatan jiwa untuk mengubah nasib kehidupan mereka. Dalam keadaan seperti ini, kekuatan dalaman adalah faktor penting yang berupaya mencetuskan perubahan tingkah laku dan gaya hidup ke arah yang lebih positif. Hal ini membuktikan bahawa dimensi fizikal sahaja tidak memadai untuk membebaskan keluarga miskin luar bandar daripada belenggu kemiskinan, sebaliknya memerlukan pendekatan holistik yang mengintegrasikan aspek biologi, psikologi, sosial dan kerohanian Islam.

<sup>1</sup> Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, *Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030: Laporan DPF Desa Negara Akhir* (Putrajaya: PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), 2017).

<sup>2</sup> Prime Minister's Office of Malaysia, "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat," Infografik Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat, diakses pada 27 April 2025. <https://www.pmo.gov.my/2023/07/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>

<sup>3</sup> Unit Perancang Ekonomi, *Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025: Memperkuuh Pemulihan, Memperkasa Reformasi* (Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2021).

<sup>4</sup> Department of Statistics Malaysia, *Household Income and Basic Amenities Survey Report 2022* (Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, 2022).

<sup>5</sup> Institut Penyelidikan & Kemajuan Malaysia, "Statistik Status Kemiskinan Sehingga 15 Julai 2024," *Laporan Prestasi Program Utama ICU JPM 2024: Julai 2024*, diakses 26 April 2025 <https://www.icu.gov.my/?pg=perkhidmatan&type=sejahtera&list=s06>.

<sup>6</sup> Muhammad Najieb Ahmad Fuad, "Gaji Minimum Baharu Penjawat Awam Lebih RM2000 Sebulan," *Kosmo*, Mei 2024.

Justeru itu, usaha pembasmian kemiskinan harus bermula dari unit yang paling kecil dalam masyarakat daripada golongan miskin tersebut iaitu keluarga. Pembangunan keluarga sebagai teras perubahan sosial dapat memastikan keberkesanan jangka panjang melalui pendidikan, kesedaran dan peningkatan daya tahan. Dalam hal ini, pendekatan kerohanian seperti *mujāhadah* menjadi teras penting dalam membina kekuatan dalaman yang membolehkan keluarga miskin memperkasa daya tahan, membina kesedaran kendiri dan mendorong perubahan sikap dan tingkah laku ke arah kesejahteraan. Sarjana Islam al-Ghazālī dalam teori keunggulannya pernah menjelaskan bahawa 'Kesedaran adalah kunci utama kepada segala kebahagiaan'.<sup>7</sup> Melalui kesedaran yang tinggi, daya tahan dalam diri seseorang manusia berupaya untuk dibangunkan seterusnya menjadi asas penting dalam membina jiwa yang lebih gigih dan kental dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan.<sup>8</sup> Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan pendekatan *mujāhadah* dalam pengurusan keluarga miskin luar bandar. Artikel ini akan membincangkan konsep *mujāhadah*, isu-isu keluarga miskin luar bandar, serta aplikasi pendekatan *mujāhadah* dalam pengurusan keluarga miskin luar bandar.

## Metodologi

Makalah ini menggunakan kaedah pengumpulan data pendekatan kualitatif yang berfokus kepada analisis dokumen. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneroka makna, pengalaman subjektif dan nilai-nilai dalaman keluarga miskin luar bandar yang tidak dapat diukur secara kuantitatif.<sup>9</sup> Penelitian yang mendalam dan menyeluruh terhadap kajian artikel jurnal, buku-buku, dokumen bertulis dan sumber-sumber akademik yang lain dilaksanakan untuk mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh keluarga miskin di luar bandar serta bagaimana pendekatan *mujāhadah* dapat memberikan penyelesaian. Data yang dikumpul tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara deskriptif.

## Sorotan Literatur

### Konsep *Mujāhadah* dalam Islam

*Mujāhadah* berasal daripada perkataan Arab *jahada* yang membawa makna usaha bersungguh-sungguh. Ia turut merujuk kepada perjuangan dalaman individu untuk melawan hawa nafsu, membebaskan diri daripada sifat-sifat *mazmumah* seperti dendam, bimbang, berprasangka buruk dan membentuk hubungan yang tulus dengan Allah SWT serta berdisiplin.<sup>10</sup> *Mujāhadah* menjadi teras penting dalam proses *tazkiyah al-nafs* iaitu penyucian jiwa yang dianggap syarat utama untuk mencapai kebahagiaan hakiki menurut perspektif tasawuf dan kerohanian Islam.<sup>11</sup>

Secara umum, *mujāhadah* mewakili usaha bersungguh-sungguh dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT melibatkan bukan sahaja ibadah ritual seperti solat dan zikir tetapi juga tindakan konkret dalam kehidupan harian. Dengan demikian, *mujāhadah* membentuk suatu

<sup>7</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *Kīmiyā' al-Sa'ādah*, dalam *Majmū'at Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 1–11.

<sup>8</sup> Nur Shahidah Pa'ad, "Pengaruh Motivasi dalam Proses Pembangunan Diri Remaja Menurut Perspektif Islam: Kajian di Pusat Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2017).

<sup>9</sup> John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 4th ed. (Thousand Oaks, CA: SAGE, 2014).

<sup>10</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002); Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būtī, *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fi al-Shari'ah al-Islāmiyyah* (Dimashq: Mu'assasah al-Risālah, 1973); Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī* (Selangor: Central Printing Sendirian Berhad, 1975).

<sup>11</sup> Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī* (Selangor: Central Printing Sendirian Berhad, 1975).

sistem perjuangan rohani dan sosial yang berfungsi secara holistik dalam menyeimbangkan aspek biopsikososial manusia.<sup>12</sup> *Mujāhadah al-nafs* sebagai sebahagian daripada *tazkiyah al-nafs* memainkan peranan penting dalam mendidik jiwa, *kalb*, *nafs* dan akal untuk tunduk mutlak kepada Allah SWT tanpa keraguan.<sup>13</sup> Proses ini menuntut pengosongan jiwa daripada sifat-sifat *mazmumah* dan penggantian dengan sifat-sifat *mahmudah* yang membawa kepada ketenangan hati dan kekuatan menghadapi cabaran kehidupan. *Mujāhadah* juga berperanan sebagai sumber motivasi dalaman yang konsisten untuk pembangunan diri, mengoptimumkan potensi akal dan *ruh* agar seseorang mampu melaksanakan perubahan positif dalam kehidupannya.<sup>14</sup>

*Mujāhadah* turut difahami sebagai satu proses transformasi kendiri yang menggabungkan aspek *self-discipline* dan perubahan dalaman (*self-transformation*).<sup>15</sup> Ia mendorong individu atau keluarga ke arah pendekatan proaktif yang dipacu oleh kesedaran spiritual. Proses ini melibatkan akal, emosi, tingkah laku dan spiritualiti secara seimbang yang membolehkan individu berfungsi dengan lebih berkesan dalam menghadapi cabaran hidup.

Dalam konteks cabaran kehidupan khususnya yang berkaitan dengan tekanan sosioekonomi, proses *mujāhadah* memberikan kerangka dalaman untuk perubahan tingkah laku nyata. Ia bermula dengan kesedaran terhadap realiti diri diikuti dengan perancangan matlamat hidup, latihan kawalan diri berdasarkan nilai agama dan sosial serta penerjemahan kekuatan spiritual ke dalam usaha praktikal seperti bekerja dengan halal, memperkuuh hubungan sosial dan menjaga kesejahteraan psikososial.

Penting untuk difahami bahawa *mujāhadah* bukan sahaja usaha dalam ruang ibadah tetapi juga mencakupi dimensi sosial dan ekonomi dalam kehidupan manusia.<sup>16</sup> Dalam menghadapi tekanan kemiskinan, *mujāhadah* membina kesabaran, istiqamah, syukur dan reda sebagai landasan ketahanan diri. Proses ini turut menggalakkan introspeksi diri melalui amalan *mu'ātabah* (teguran terhadap kelemahan diri), *mushāratah* (menetapkan matlamat), *murāqabah* (kesedaran terhadap kehadiran Allah), *muhāsabah* (penilaian kendiri) dan *mu'āqabah* (peneguhan tindakan pembetulan) yang membentuk kesedaran moral, meningkatkan kebertanggungjawaban serta membina kekuatan spiritual untuk memperbaiki diri.

Al-Quran juga menekankan pentingnya *mujāhadah* dalam membina kejayaan rohani dan *dunyawiy*. Firman Allah SWT: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan carilah jalan untuk mendekatkan diri kepadaNya, serta berjihadlah pada jalan-Nya, supaya kamu beroleh kejayaan" (Surah Al-Maidah, 5:35). Ayat ini menunjukkan bahawa kejayaan sejati tidak dapat dicapai tanpa perjuangan dalaman yang berterusan melawan nafsu dan godaan *dunyawiy*. Oleh itu, *mujāhadah* bukan sekadar aspek spiritual, tetapi merupakan strategi pembangunan diri yang holistik yang mengintegrasikan elemen kerohanian, fizikal, psikologi dan sosial ke arah kesejahteraan hakiki manusia.

<sup>12</sup> Mohammed Galib Hussain dan S. Y. Anver Sheriff, *Islamic Theory of Motivation: Insight from the Qur'an and the Sunnah* (USA: LAP Lambert Academic Publishing, 2011), 32.

<sup>13</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Ṭūsī al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, terj. Prof. Tk. Ismail Yakub, Jilid 1 (Kuala Lumpur: Victory Ajensi, 1988), 22.

<sup>14</sup> Nur Shahidah Pa'ad, "Pengaruh Motivasi dalam Proses Pembangunan Diri Remaja Menurut Perspektif Islam: Kajian di Pusat Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur" (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2017), 33.

<sup>15</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2002), 46.

<sup>16</sup> Nur Shahidah Pa'ad, Mohd Syukri Zainal Abidin. *Pendekatan Motivasi dan Psikospiritual Islam dalam Pembangunan Diri*. (Melaka: Penerbit Universiti Melaka, 2023), 66-68.

Dalam konteks keluarga, penerapan konsep *mujāhadah* menjadi lebih signifikan kerana kesejahteraan keluarga bermula daripada kekuatan dalam setiap ahlinya. Apabila setiap individu dalam sesebuah keluarga berusaha melaksanakan *mujāhadah* dalam kehidupan seharian, ia dapat membentuk budaya keluarga yang berlandaskan nilai rohani, kesabaran, istiqamah, dan kesedaran diri. Kesejahteraan rohani dan sosial ini akhirnya menjadi teras kepada pengurusan keluarga yang berkesan, terutamanya dalam menghadapi cabaran kehidupan seperti kemiskinan luar bandar. Oleh itu, memahami *mujāhadah* bukan hanya sebagai perjuangan individu, tetapi juga sebagai asas dalam membangunkan ketahanan keluarga adalah penting sebelum meneliti isu-isu pengurusan keluarga miskin luar bandar secara lebih mendalam.

### Pengurusan Keluarga Dan Kemiskinan Luar Bandar

Keluarga adalah sebuah unit sosial yang paling kecil dalam masyarakat yang terdiri daripada individu yang tinggal bersama dan berkongsi sumber ekonomi serta emosi.<sup>17</sup> Ia merupakan sebuah institusi yang penting dalam masyarakat Malaysia kerana keluarga yang sejahtera akan melahirkan masyarakat yang sejahtera. Sehubungan dengan itu, sesebuah keluarga mestilah berfungsi sebagai sumber sokongan emosi, sosial dan ekonomi kepada ahli-ahlinya.<sup>18</sup> Hubungan kelamin, komunikasi, pelaksaan antara ahli keluarga dan pergaulan dengan masyarakat merupakan bentuk perhubungan kekeluargaan yang turut dipanggil sebagai *mu'āsyarah* iaitu perhubungan sosial keluarga.<sup>19</sup> Keluarga sejahtera merupakan keluarga yang mempunyai bentuk perhubungan kekeluargaan yang baik. Pengurusan sesebuah keluarga merujuk kepada proses mengurus sumber-sumber dalam keluarga untuk memastikan kesejahteraan setiap ahli keluarga. Ini termasuk pengurusan kewangan, masa dan peranan serta tanggungjawab dalam keluarga.<sup>20</sup> Namun, kesejahteraan keluarga bukan sahaja bergantung kepada pengurusan sumber fizikal dan ekonomi tetapi juga bergantung kepada kekuatan rohani setiap ahli keluarga. Dalam konteks ini, elemen pembangunan kerohanian melalui proses *mujāhadah* menjadi penting untuk membentuk keluarga yang mampu bertahan menghadapi tekanan hidup.

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia telah dilakukan bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Menurut laporan pada 2019, tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah di tahap yang sederhana dengan skala 7.72 berbanding tahun sebelumnya yang lebih rendah.<sup>21</sup> Pengiraannya meliputi domain hubungan kekeluargaan, domain ekonomi keluarga, domain kesihatan keluarga, domain keselamatan keluarga, domain keluarga dan keterlibatan komuniti, domain keluarga; peranan agama dan amalan kerohanian, domain perumahan dan persekitaran dan domain keluarga dan teknologi komunikasi.<sup>22</sup> Meskipun berada di tahap yang sederhana, pencapaian tahap sederhana ini tetap perlu diberikan perhatian dan ditangani dengan perancangan yang serius. Hal ini kerana keluarga adalah unit

<sup>17</sup> Misbahul Munir dan Echo Perdana Kusumah, "Family Economic Resilience: An Overview of Islamic Economics Perspective," *AL-Muqayyad* 6, no. 1 (2023): 29–39.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Ahmad Ibn Faris. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Disunting oleh 'Abd al-Salam Muhammad Harun. Beirut: Dar al-Fikr, 1979; Muhammad Al-Fayruz Abadi. *Al-Qamus al-Muhib*. Disunting oleh Muhammad Na'im al-'Irqsusi. Beirut: Mu'assasah al-Risalah li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzī', 2005; Kamarul Azmi Jasmi. "Mu'aasyarah." Dalam *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2016), 83–85.

<sup>20</sup> *Ibid*

<sup>21</sup> Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019* (Kuala Lumpur: LPPKN, 2020), 35-37.

<sup>22</sup> *Ibid.*

asas dalam masyarakat dan kesejahterannya berperanan penting dalam menjamin kestabilan dan keharmonian masyarakat keseluruhan.<sup>23</sup>

Kemiskinan merupakan ketidakupayaan individu atau isi rumah untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan asas mereka kerana kekangan sumber yang dihadapi masyarakat miskin. Hal ini akan menyebabkan terdapat kesukaran untuk mencapai taraf hidup yang sempurna sehingga membawa kepada kemiskinan yang berterusan. Permasalahan kemiskinan perlu dikawal dan dibasmi kerana mampu menggugat kestabilan ekonomi dan politik sesebuah negara. Keadaan ini boleh membawa kepada tragedi mati kelaparan, kekurangan makanan, pertambahan penyakit dan kesukaran pendidikan dalam kalangan orang ramai sehingga menyebabkan seseorang terlibat dalam kancan penjenayah demikian menikmati hidup dalam kemewahan.<sup>24</sup> Kemiskinan di luar bandar memerlukan pembangkitan kesedaran sebagai suatu langkah proaktif agar golongan ini dapat dibangunkan bermula dari dalam diri individu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kemiskinan yang melibatkan kawasan luar bandar adalah kemiskinan bersifat multidimensi.<sup>25</sup> Faktor kemiskinan seperti kurangnya pendedahan kepada pelbagai ilmu dan kemahiran yang disebabkan oleh kedudukan tempat serta kekurangan sumber dan infrastruktur<sup>26</sup> adalah antara penyebab utama golongan miskin luar ini mudah berputus asa dan akhirnya kekal di zon selesa mereka iaitu tetap berada di tahap kemiskinan sedia ada.

Selain kekangan luaran ini, kekurangan kekuatan rohani, ketidakcekalan jiwa serta lemahnya kesedaran kendiri turut dikenal pasti sebagai faktor dalaman yang menyumbang kepada ketidakupayaan keluarga miskin untuk keluar dari perangkap kemiskinan.<sup>27</sup> Justeru, pembinaan kekuatan dalaman melalui pendekatan *mujāhadah* menjadi keperluan mendesak dalam usaha memperkasa daya tahan psikososial dan motivasi diri mereka. Faktor ini adalah isu serius yang kompleks dan dinamik. Penerokaannya, bukan sahaja melibatkan aspek keperluan fizikal malah turut melibatkan elemen-elemen biologi, mental dan spiritual. Bagi membangkitkan kesedaran, setiap unit keluarga dalam golongan masyarakat ini perlu dibantu untuk menguruskan isu tersebut dari segenap pelbagai sudut.

Agama melihat pengurusan keluarga miskin perlu dianalisis hubungannya dengan perspektif Islam iaitu *mujāhadah* kerana kepentingannya menjadi dorongan dalaman yang utama untuk golongan masyarakat Muslim khususnya golongan miskin luar bandar. Fitrah manusia ialah makhluk ciptaan Allah yang memerlukan peranan dan dorongan keagaaman kerana penciptaan manusia terdiri daripada aspek jasmani dan rohani. Bagi mencapai kesejahteraan daripada perspektif Islam, kesejahteraan holistik hanya dapat dicapai melalui penjagaan keseimbangan antara kedua-dua elemen ini. Sehubungan itu, kajian ini melihat

<sup>23</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keluarga Malaysia: Keluarga Sejahtera* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022), 22.

<sup>24</sup> Nor Ghani Md. Nor, "Dimensi Kemiskinan dan Rancangan Pembasmian Kemiskinan," dalam *Siri Kumpulan Esei: Ekonomi Pembangunan*, disunting oleh Amir Hussin Baharuddin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 56–72.

<sup>25</sup> Muhamad Zulfadli Abdul Rahman, Mohammad Taqiuddin Mohamad, dan Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, "Islam and the Eradication of Urban Poverty," *Jurnal Syariah* 28, no. 3 (2020): 461–500.

<sup>26</sup> Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat. "Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan." *Jurnal Pendidikan* 13, no. 2 (2018): 11–23.

<sup>27</sup> Mohammed Galib Hussain dan S. Y. Anver Sheriff, *Islamic Theory of Motivation: Insight from the Qur'an and the Sunnah* (USA: LAP Lambert Academic Publishing, 2011), 11–23.

bahawa pendekatan *mujāhadah* merupakan satu pendekatan Islam yang diperlukan dalam membentuk kekuatan dalam keluarga miskin luar bandar.

Maka, memahami isu-isu khusus yang melatari fenomena kemiskinan dalam kalangan keluarga luar bandar adalah penting untuk merangka intervensi yang lebih menyeluruh dan berkesan. Dalam konteks kajian ini, intervensi merujuk kepada suatu tindakan atau program campur tangan yang dirancang secara sistematik berdasarkan pendekatan biopsikososial dan perspektif Islam. Bahagian berikut akan membincangkan cabaran utama yang dihadapi oleh keluarga miskin luar bandar.

### **Isu-Isu Keluarga Miskin Luar Bandar**

Keluarga miskin luar bandar berhadapan dengan pelbagai cabaran yang kompleks dan saling berkait. Berdasarkan tinjauan literatur, tiga isu utama telah dikenal pasti sebagai punca kepada kelangsungan kemiskinan dalam kalangan mereka, iaitu cabaran kesejahteraan ekonomi, budaya miskin serta sikap dan persepsi terhadap perubahan.

Kemiskinan dalam konteks keluarga luar bandar bukan sekadar permasalahan material semata-mata tetapi bersifat multidimensi yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, budaya dan psikologi. Cabaran-cabaran ini berinteraksi secara kompleks dan memerlukan pendekatan holistik untuk ditangani dengan berkesan.

Pertama, keluarga miskin luar bandar mengalamikekangan serius dalam aspek kesejahteraan ekonomi. Mereka sering bergelut untuk memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal yang selamat, pemakanan yang mencukupi dan berkhasiat serta mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan. Ketidakstabilan ekonomi ini berpunca daripada pendapatan yang rendah, peluang pekerjaan yang terhad serta kekurangan kemudahan infrastruktur awam.<sup>28</sup> Menurut Amartya Sen (1999),<sup>29</sup> kemiskinan bukan semata-mata ketiadaan pendapatan tetapi lebih kepada kekurangan keupayaan (capability deprivation) untuk menjalani kehidupan yang bermakna. Jeffrey Sachs (2005)<sup>30</sup> turut menekankan bahawa golongan miskin sering terperangkap dalam perangkap kemiskinan (*poverty traps*) yang sukar diputuskan tanpa campur tangan bersifat pelbagai dimensi ekonomi, kesihatan, pendidikan dan infrastruktur. Dalam konteks ini, keluarga miskin luar bandar tidak sekadar mengalami kekurangan ekonomi, malah kehilangan peluang untuk membangunkan potensi mereka secara menyeluruh. Tekanan ekonomi berterusan turut memberi kesan kepada kesihatan mental, menjelaskan kesejahteraan psikososial serta mengurangkan keupayaan mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan<sup>31</sup>.

Kedua, kewujudan budaya miskin dalam kalangan masyarakat luar bandar memperkuuhkan lagi cabaran kemiskinan. Menurut Lewis (1959)<sup>32</sup>, budaya miskin terbentuk apabila masyarakat membangunkan sistem nilai yang menghalang perubahan seperti sikap kebergantungan, rasa rendah diri dan ketidakupayaan untuk berfikir jauh ke hadapan. Budaya kemiskinan dalam komuniti luar bandar juga sering diwarisi secara intergenerasi di mana nilai,

<sup>28</sup> Department of Statistics Malaysia, *Household Income and Basic Amenities Survey Report 2022* (Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, 2022), 11-18.

<sup>29</sup> Amartya Sen, *Development as Freedom* (Oxford: Oxford University Press, 1999).

<sup>30</sup> Jeffrey D. Sachs, *The End of Poverty: How We Can Make It Happen in Our Lifetime* (United Kingdom: Penguin Books, 2011), 23.

<sup>31</sup> Zahir Zainuddin, *Kepentingan Pemerksaan Modal Insan dalam Mengatasi Kemiskinan Luar Bandar di Malaysia* (Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2016). 66-68

<sup>32</sup> Oscar Lewis, *Five Families: Mexican Case Studies in the Culture of Poverty* (New York: Basic Books, 1959), 12-16.

sikap, dan tingkah laku yang terhad kepada kelangsungan hidup harian diperturunkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya, mewujudkan kitaran kemiskinan yang berpanjangan.<sup>33</sup> Zahir Zainuddin (2016)<sup>34</sup> turut menekankan bahawa dalam budaya ini, keluarga cenderung bergantung sepenuhnya kepada bantuan luaran dan menunjukkan kurang motivasi untuk memperbaiki keadaan hidup mereka. Kehidupan yang berorientasikan keperluan harian tanpa perancangan jangka panjang menyebabkan keluarga miskin mudah terperangkap dalam corak kemiskinan yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Sikap ini juga menghalang mereka daripada memanfaatkan peluang pembangunan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan.

Ketiga, sikap dan persepsi terhadap perubahan turut menjadi halangan besar kepada usaha mengatasi kemiskinan. Kajian oleh Nor Diana Mohd Idris et al. (2013)<sup>35</sup> menunjukkan bahawa ramai masyarakat luar bandar kurang berkeyakinan untuk menerima kemajuan teknologi dan inovasi ekonomi seperti e-dagang dan perniagaan dalam talian. Nur Firzana Rosman dan Sabariah Kee Mohd Yusof (2022)<sup>36</sup> menambah bahawa kecenderungan untuk terus bergantung kepada kaedah tradisional menjadikan mereka sukar bersaing dalam ekonomi moden. Sikap negatif terhadap perubahan dan inovasi dalam kalangan masyarakat miskin luar bandar juga mencerminkan rendahnya ketahanan psikososial, yang menyebabkan mereka lebih cenderung menolak peluang baharu yang menuntut keberanian, kepercayaan kendiri dan kemahiran baru. Hal ini menyebabkan keluarga miskin luar bandar terus ketinggalan dari segi ekonomi digital, sekali gus memperluas jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Kegagalan untuk beradaptasi dengan perubahan turut mengekalkan pola kemiskinan yang sama dari masa ke masa.

Selain itu, kajian menunjukkan bahawa modal sosial seperti jaringan sokongan komuniti, kepercayaan sosial dan kerjasama kolektif mampu meningkatkan daya tahan keluarga miskin dalam menghadapi tekanan ekonomi dan sosial.<sup>37</sup> Pengukuhan modal sosial dalam kalangan keluarga luar bandar dapat menjadi elemen penting dalam memperbaiki keupayaan adaptasi mereka terhadap perubahan dan pembangunan.

Ketiga-tiga isu ini menunjukkan kesejahteraan ekonomi yang rendah, budaya miskin, serta sikap dan persepsi negatif terhadap perubahan saling berkaitan dan memperkuatkannya kitaran kemiskinan. Sehubungan itu, sebarang usaha untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga miskin luar bandar perlu mengambil kira faktor ekonomi, budaya dan psikologi secara menyeluruh. Oleh kerana kemiskinan keluarga luar bandar bersifat multidimensi, intervensi yang berkesan memerlukan pendekatan yang menggabungkan aspek ekonomi, sosial, psikologi

<sup>33</sup> Ibid; Pierre Bourdieu, "The Forms of Capital," dalam *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education*, disunting oleh John G. Richardson (New York: Greenwood Press, 1986), 241–258

<sup>34</sup> Zahir Zainuddin, *Kepentingan Pemerksaan Modal Insan dalam Membasmi Kemiskinan Luar Bandar di Malaysia* (Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2016).

<sup>35</sup> Nor Diana Mohd Idris, Chamsuri Siwar, Basri Talib, dan Madeline Berma, "Penentu Sosioekonomi terhadap Pendapatan dan Kemiskinan Luar Bandar: Kajian Kes Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Samarahan, Sarawak, Malaysia," *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 5, no. 1 (2013): 1–18.

<sup>36</sup> Nur Firzana Rosman dan Kee Y. Sabariah Kee Mohd Yusof, "Isu Kemiskinan Digital yang dihadapi Peniaga Luar Bandar di Kawasan Sepitang, Sabah, Malaysia," *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)* 8, no. 1 (2022): 1–23.

<sup>37</sup> Robert D. Putnam, *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community* (New York: Simon & Schuster, 2000).

dan spiritual agar kesejahteraan holistik dapat dicapai.<sup>38</sup> Pendekatan yang bersifat material sahaja seperti bantuan kewangan tidak memadai jika tidak disertai dengan perubahan nilai, sikap dan kesedaran dalaman. Dalam konteks ini, penggabungan pendekatan spiritual seperti *mujāhadah* dapat memainkan peranan penting dalam membina daya tahan diri, memupuk kesungguhan untuk berubah dan mengubah budaya kemiskinan yang telah lama berakar dalam komuniti luar bandar.

### Aplikasi Pendekatan *Mujāhadah* Dalam Pengurusan Keluarga Miskin Luar Bandar

Menyedari hakikat bahawa kemiskinan luar bandar memerlukan perubahan holistik dari dalam diri individu dan keluarga adalah penting untuk memahami bagaimana pendekatan perubahan dalaman melalui kaedah *mujāhadah* dapat diaplิกasikan secara praktikal dalam pengurusan keluarga miskin luar bandar.<sup>39</sup> Pendekatan *mujāhadah* merangkumi dimensi rohani dan jasmani yang membentuk kekuatan dalaman, membina disiplin kendiri dan mendorong usaha yang berterusan untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

Pendekatan *mujāhadah* dalam pengurusan keluarga miskin luar bandar dapat dilakukan melalui pengukuhan amalan keagamaan dan kesedaran kerohanian. Keluarga miskin luar bandar perlu mendalami ilmu agama melalui pengajian yang berterusan. Mereka boleh mengikuti pengajian kelas-kelas agama secara berkala dan konsisten agar dapat memahami ilmu agama yang disampaikan dengan lebih berkesan.<sup>40</sup> Selain itu, pelaksanaan solat berjemaah juga boleh dijadikan ruang untuk merapatkan hubungan dengan Allah SWT, keluarga dan masyarakat setempat.<sup>41</sup> Solat berjemaah di rumah, masjid atau surau boleh membina nilai kebersamaan dan memperkuuhkuhan ikatan kekeluargaan sekaligus membentuk ketahanan sosial yang penting dalam mengharungi tekanan hidup.

Pembangunan rohani turut boleh diperkuuhkan melalui amalan harian seperti pembacaan *al-Quran*, berzikir dan berdoa.<sup>42</sup> Ia yang memainkan peranan penting dalam mengukuhan kekuatan dalaman dan kebergantungan kepada Allah SWT.<sup>43</sup> Ketua keluarga perlu memainkan peranan dalam mengajak ahli keluarga melakukan ibadah dan amal kebajikan. Ia dapat merapatkan hubungan kekeluargaan serta dapat menambahkan keimanan kepada Allah SWT. Kadar kebergantungan kepada Allah SWT juga akan meningkat menyebabkan penggantian sifat-sifat negatif dengan sifat-sifat terpuji seperti sabar, syukur dan ikhlas terjadi dalam kalangan keluarga tersebut secara perlahan-lahan.

Proses *mujāhadah al-nafs* memerlukan usaha yang berterusan dan kesedaran untuk berubah ke arah kebaikan. Amalan-amalan tersebut bukan sahaja membantu dalam pembangunan rohani tetapi juga meningkatkan disiplin diri dan konsistensi dalam melakukan kebaikan. Proses ini membentuk asas kekuatan dalaman yang menjadi pemangkin kepada

<sup>38</sup> Amartya Sen, *Development as Freedom* (Oxford: Oxford University Press, 1999); Jeffrey D. Sachs, *The End of Poverty: How We Can Make It Happen in Our Lifetime* (United Kingdom: Penguin Books, 2011).

<sup>39</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002); Amartya Sen, *Development as Freedom* (Oxford: Oxford University Press, 1999).

<sup>40</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keluarga Malaysia: Keluarga Sejahtera* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022), 23.

<sup>41</sup> Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, dan Hanit Osman, *Kaunseling Dalam Islam* (Negeri Sembilan: Penerbit USM, 2014), 55.

<sup>42</sup> Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, dan Hanit Osman, *Kaunseling Dalam Islam* (Negeri Sembilan: Penerbit USM, 2014). 56.

<sup>43</sup> al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 162.

perubahan positif dalam pengurusan kehidupan sehari-hari. Setelah kekuatan rohani diasaskan melalui ibadah harian, aspek pembentukan disiplin diri dan latihan meninggalkan sikap-sikap negatif menjadi langkah seterusnya dalam memperkuat aplikasi *mujāhadah* dalam kehidupan sehari-hari. Keluarga miskin luar bandar perlu melatih diri untuk meninggalkan sikap buruk melalui disiplin diri secara konsisten.<sup>44</sup> Contohnya, mengelakkan sifat malas dan berusaha bersungguh-sungguh dalam pekerjaan dan tanggungjawab harian.

Walau bagaimanapun, *mujāhadah* tidak seharusnya dihadkan kepada dimensi rohani semata-mata. Dalam konteks kemiskinan luar bandar, jihad melawan kemiskinan juga menuntut usaha fizikal dan tindakan nyata dalam kehidupan sehari-hari. *Mujāhadah* juga bermaksud berjuang untuk mencapai matlamat kehidupan melalui usaha gigih, kerja keras dan semangat berdikari.<sup>45</sup> Dalam konteks keluarga miskin luar bandar, usaha fizikal dalam melatih diri melakukan amalan yang baik secara berterus amat diperlukan.<sup>46</sup> Keluarga miskin luar bandar perlu melakukan tindakan-tindakan yang boleh menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup mereka seperti berusaha mencari pekerjaan yang halal, memanfaatkan kawasan persekitaran rumah bagi tujuan yang baik seperti bercucuk tanam tumbuh-tumbuhan, menjalankan perniagaan kecil-kecilan, menambah ilmu pengetahuan dan sebagainya. Hal ini sukar dicapai sekiranya masih terdapat tabiat yang buruk dalam kalangan keluarga miskin luar bandar. Sehubungan dengan itu, *mujāhadah* bukan sahaja membantu dalam pembangunan rohani tetapi juga meningkatkan disiplin diri dan konsistensi dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang membawa ke arah kebaikan dalam kehidupan.

Bagi memastikan keluarga miskin luar bandar sentiasa berdisiplin dengan tindakan yang membawa ke arah kebaikan, kaedah peneguhan dengan memberikan ganjaran dan hukuman perly dilakukan.<sup>47</sup> Islam menuntut agar setiap usaha dilakukan secara sederhana namun berterusan.<sup>48</sup> Kejayaan terhadap perkara baik yang diusahakan oleh seseorang manusia wajar diraikan. Pendekatan ini dapat meningkatkan keyakinan terhadap kemampuan dalam pembinaan diri ke arah kebaikan.<sup>49</sup>

Pembinaan persekitaran sosial yang positif turut memainkan peranan dalam memastikan disiplin diri terpelihara<sup>50</sup> dengan memilih rakan, jiran dan mentor yang berpengaruh baik bagi menyokong proses *mujāhadah* yang berterusan. Keluarga miskin luar bandar perlu membangunkan persekitaran yang baik dengan memilih rakan-rakan dan jiran-jiran yang mempunyai pengaruh baik. Mereka perlu mengelakkan diri daripada pengaruh negatif dengan menjauhi persekitaran yang boleh membawa kepada kemungkaran.<sup>51</sup> Antaranya dengan mencari mentor atau guru yang alim dan soleh dapat membantu dalam membimbing dan membangunkan diri dari aspek rohani dan jasmani. Selain sokongan sosial, amalan rohani

<sup>44</sup> Mohammed Galib Hussain dan S. Y. Anver Sheriff, *Islamic Theory of Motivation: Insight from the Qur'an and the Sunnah* (USA: LAP Lambert Academic Publishing, 2011).

<sup>45</sup> Muhammad Abul Quasem, *The Ethics of al-Ghazālī* (Selangor: Central Printing Sendirian Berhad, 1975).

<sup>46</sup> Al-Rāzī, *Tib al-Ruhani*, 22.

<sup>47</sup> Abū Zayd al-Balkhī, *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus* (Istanbul: Ayasofya Library, t.t.).

<sup>48</sup> Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Ḍawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Shāri'ah al-Islāmiyyah* (Dimashq: Mu'assasah al-Risālah, 1973). 34.

<sup>49</sup> Fatimah Abdullah, "Virtues and Character Development in Islamic Ethics and Positive Psychology," *International Journal of Education and Social Science* 1, no. 2 (2014): 11-26.

<sup>50</sup> Robert D. Putnam, *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community* (New York: Simon & Schuster, 2000), 23.

<sup>51</sup> Ahmad Ibn-Muhammad Miskawayh, *The Refinement of Character*, diterjemahkan oleh Constantine K. Zurayk (Beirut: The American University of Beirut, 1968), 11-18.

peribadi seperti *tafakkur* juga memainkan peranan penting dalam memperkuuhkan kesedaran kendiri dan mendorong transformasi jiwa ke arah yang lebih positif.<sup>52</sup> Ia dapat dilakukan dengan meluangkan masa berfikir dan merenung tentang kebesaran Allah SWT, hikmah dan tujuan kehidupan.

Untuk membangunkan kesejahteraan keluarga miskin luar bandar, usaha perlu dimulakan dengan penyucian rohani yang mampu melahirkan keperibadian cemerlang dan pemikiran positif. Sehubungan itu, pengurusan keluarga miskin luar bandar harus menekankan pembangunan rohani dan fizikal secara seimbang agar dapat mengubah pemikiran, sikap, amalan dan budaya hidup yang membelenggu mereka dalam kemiskinan. Pendekatan *mujāhadah* dalam konteks ini bukan sahaja memperkuuhkan kekuatan rohani, malah membina disiplin diri yang tinggi serta konsistensi dalam melakukan amal kebaikan sekali gus membolehkan keluarga miskin memperkuuh ketahanan biopsikososial dan keluar daripada kitaran kemiskinan yang berpanjangan.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pendekatan *mujāhadah* merupakan satu pendekatan holistik yang mampu membantu mengatasi pelbagai aspek kemiskinan yang dialami oleh keluarga miskin luar bandar. Dengan pengintegrasian nilai-nilai kerohanian, pembinaan kekuatan dalaman dan usaha berterusan dalam membentuk disiplin diri, pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan material malah memperkuuhkan kesejahteraan spiritual keluarga miskin. Pendekatan *mujāhadah* dilihat mampu memperkasa ketahanan biopsikososial keluarga miskin luar bandar seterusnya membolehkan mereka keluar daripada kitaran kemiskinan yang berpanjangan. Oleh itu, pendekatan ini seharusnya dipandang serius dalam membangunkan model intervensi sosial yang lebih menyeluruh dan seimbang. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan *mujāhadah* diintegrasikan secara sistematis ke dalam program pembangunan keluarga luar bandar terutamanya melalui modul latihan pembangunan diri yang menggabungkan aspek kerohanian, psikologi dan sosial bagi membina daya tahan serta motivasi dalaman yang mampan dalam kalangan keluarga miskin.

### Penghargaan

Kajian ini telah ditaja oleh Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GA023-2023) dan Universiti Malaya Scholarship Scheme.

### Rujukan

Abu Zayd al-Balkhī, *Maṣāliḥ al-Abdān wa al-Anfus*, Istanbul: Ayasofya Library, t.t.

Ahmad Ibn Fāris, *Mu‘jam Maqāyīs al-Lughah*, disunting oleh ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn. Beirut: Dār al-Fikr, 1979.

Ahmad Ibn-Muhammad Miskawayh. *The Refinement of Character*. Diterjemahkan oleh Constantine K. Zurayk. Beirut: The American University of Beirut, 1968.

Amartya Sen. *Development as Freedom*. Oxford: Oxford University Press, 1999.

<sup>52</sup> Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 66.

Department of Statistics Malaysia. *Household Income and Basic Amenities Survey Report 2022*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, 2022.

Fatimah Abdullah. Virtues and Character Development in Islamic Ethics and Positive Psychology. *International Journal of Education and Social Science* 1, no. 2 (2014).

al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.

al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Kīmiyā’ al-Sa‘ādah*, dalam *Majmū‘at Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*, 1–11, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.

al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Ṭūsī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, terjemahan Prof. Tk. Ismail Yakub. Jilid 1, Kuala Lumpur: Victory Ajensi, 1988.

Institut Penyelidikan & Kemajuan Malaysia, "Statistik Status Kemiskinan Sehingga 15 Julai 2024", *Laporan Prestasi Program Utama ICU JPM 2024: Julai 2024*. Diakses 26 April 2025. <https://www.icu.gov.my/?pg=perkhidmatan&type=sejahtera&list=s06>.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keluarga Malaysia: Keluarga Sejahtera*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022.

Jeffrey D. Sachs. *The End of Poverty: How We Can Make It Happen in Our Lifetime*. United Kingdom: Penguin Books, 2011.

John W. Creswell. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks, CA: SAGE, 2014.

Kamarul Azmi Jasmi, "Mua‘āsyarah." Dalam *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2016.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030: Laporan DPF Desa Negara Akhir*. Putrajaya: PLAN Malaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), 2017.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019*, Kuala Lumpur: LPPKN, 2020.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali dan Hanit Osman, *Kaunseling Dalam Islam*, Negeri Sembilan: Penerbit USM, 2014.

Misbahul Munir dan Echo Perdana Kusumah. Family Economic Resilience: An Overview of Islamic Economics Perspective. *AL-Muqayyad* 6, no. 1 (2023): 29–39.

Mohammed Galib Hussain dan S. Y. Anver Sheriff. *Islamic Theory of Motivation: Insight from the Qur‘ān and the Sunnah*. USA: LAP Lambert Academic Publishing, 2011.

Muhamad Zulfadli Abdul Rahman, Mohammad Taqiuddin Mohamad, dan Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. Islam and the Eradication of Urban Poverty. *Jurnal Syariah* 28, no. 3 (2020): 461–500.

- Muhammad Abul Quasem. *The Ethics of al-Ghazālī*. Selangor: Central Printing Sendirian Berhad, 1975.
- Muhammad Najieb Ahmad Fuad. "Gaji Minimum Baharu Penjawat Awam Lebih RM2000 Sebulan." *Kosmo*, Mei 2024.
- Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Ḍawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Dimashq: Mu'assasah al-Risālah, 1973.
- Nor Diana Mohd Idris, Chamsuri Siwar, Basri Talib, dan Madeline Berma. Penentu Sosioekonomi terhadap Pendapatan dan Kemiskinan Luar Bandar: Kajian Kes Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Samarahan, Sarawak, Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 5, no. 1 (2013): 1–18.
- Nor Ghani Md. Nor. "Dimensi Kemiskinan dan Rancangan Pembasmian Kemiskinan." Dalam *Siri Kumpulan Esei: Ekonomi Pembangunan*, disunting oleh Amir Hussin Baharuddin, 56–72. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Nur Firzana Rosman dan Kee Y. Sabariah Kee Mohd Yusof. Isu Kemiskinan Digital yang dihadapi Peniaga Luar Bandar di Kawasan Sepitang, Sabah, Malaysia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)* 8, no. 1 (2022): 1–23.
- Nur Shahidah Pa'ad. "Pengaruh Motivasi dalam Proses Pembangunan Diri Remaja Menurut Perspektif Islam: Kajian di Pusat Motivasi Alihan Pelajar, Kuala Lumpur." Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2017.
- Nur Shahidah Pa'ad, Mohd Syukri Zainal Abidin, *Pendekatan Motivasi dan Psikospiritual Islam dalam Pembangunan Diri*, Melaka: Penerbit Universiti Melaka, 2023.
- Oscar Lewis, *Five Families: Mexican Case Studies in the Culture of Poverty*, New York: Basic Books, 1959.
- Pierre Bourdieu. "The Forms of Capital." Dalam *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education*, disunting oleh John G. Richardson, 241–258. New York: Greenwood Press, 1986.
- Prime Minister's Office of Malaysia. "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat." *Infografik Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat*. Diakses 27 April 2025. <https://www.pmo.gov.my/2023/07/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>.
- al-Rāzī, Abū Bakr, *Tib al-Ruhani: The Spiritual Physick of Rhazes*, terj. Arberry, London: John Murray, 1950.
- Robert D. Putnam. *Bowling Alone: The Collapse and Revival of American Community*. New York: Simon & Schuster, 2000.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat. Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Jurnal Pendidikan* 13, no. 2 (2018): 11–23.

Unit Perancang Ekonomi. *Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021–2025: Memperkuuh Pemulihan, Memperkasa Reformasi*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2021.

Zahir Zainuddin, *Kepentingan Pemerkaaan Modal Insan dalam Membasmi Kemiskinan Luar Bandar di Malaysia*, Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2016.